

LAPORAN TAHUNAN (AKADEMIK)

1.0 PROGRAM AKADEMIK

Pada tahun 2015, UTeM telah menawarkan sebanyak 5 program diperingkat Diploma, 25 program di peringkat Sarjana Muda di samping 35 program Sarjana, 7 program Doktor Falsafah, 4 program Doktor Kejuruteraan dan 1 program Doktor Teknologi Maklumat. Senarai program yang ditawarkan mengikut fakulti adalah seperti berikut:

FAKULTI	NAMA PROGRAM
KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER	<u>Pasca Siswazah</u> 1) Doktor Falsafah 2) Doktor Kejuruteraan 3) Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Elektronik 4) Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer) 5) Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Sistem Elektronik) 6) Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Sistem Telekomunikasi)
	<u>Pra Siswazah</u> 1) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Dengan Kepujian. 2) Diploma Kejuruteraan Elektronik.

FAKULTI	NAMA PROGRAM
<p style="text-align: center;">KEJURUTERAAN ELEKTRIK</p>	<p><u>Pasca Siswazah</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Doktor Falsafah 2) Doktor Kejuruteraan 3) Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Elektrik 4) Ijazah Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Mekatronik 5) Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa dan Pemacu) 6) Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) 7) Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Kawalan dan Robotik)
	<p><u>Pra Siswazah</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Dengan Kepujian. 2) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik Dengan Kepujian. 3) Diploma Kejuruteraan Elektrik.
	<p><u>Pasca Siswazah</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Doktor Falsafah 2) Doktor Kejuruteraan 3) Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Mekanikal 4) Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Mekanik Gunaan) 5) Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Tenaga) 6) Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) 7) Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Mekanik

FAKULTI	NAMA PROGRAM
<p style="text-align: center;">KEJURUTERAAN MEKANIKAL</p>	<p style="text-align: center;">Struktur)</p> <p>8) Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Kejuruteraan Tenaga)</p> <p>9) Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)</p> <p>10) Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk Produk)</p>
	<p><u>Pra Siswazah</u></p> <p>Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian</p> <p>Diploma Kejuruteraan Mekanikal</p>
<p style="text-align: center;">KEJURUTERAAN PEMBUATAN</p>	<p><u>Pasca Siswazah</u></p> <p>1) Doktor Falsafah</p> <p>2) Doktor Kejuruteraan</p> <p>3) Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Pembuatan</p> <p>4) Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Sistem Pembuatan)</p> <p>5) Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Sistem Kualiti)</p> <p>6) Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Industri)</p> <p>7) Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Kepersisan)</p>
	<p><u>Pra Siswazah</u></p> <p>1) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan Dengan Kepujian</p> <p>2) Diploma Kejuruteraan Pembuatan</p>
	<p><u>Pasca Siswazah</u></p> <p>1) Doktor Falsafah</p>

FAKULTI	NAMA PROGRAM
TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI	2) Doktor Teknologi Maklumat 3) Sarjana Sains Dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi 4) Sarjana Sains Komputer (Teknologi Rangkaian Internet) 5) Sarjana Sains Komputer (Teknologi Pangkalan Data) 6) Sarjana Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian dan Kepintaran) 7) Sarjana Sains Komputer (Sains Keselamatan) 8) Ijazah Sarjana Sains Komputer (Pengkomputeran Multimedia)
	<u>Pra Siswazah</u>
	1) Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pengurusan Pangkalan Data) Dengan Kepujian
	2) Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) Dengan Kepujian
	3) Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer) Dengan Kepujian
	4) Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Media Interaktif) Dengan Kepujian
	5) Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan) Dengan Kepujian
	6) Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Komputer) Dengan Kepujian
	7) Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Teknologi Permainan) Dengan Kepujian
	8) Diploma Teknologi Maklumat & Komunikasi

FAKULTI	NAMA PROGRAM
<p style="text-align: center;">PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNOUSAHAWANAN</p>	<p><u>Pasca Siswazah</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Doktor Falsafah 2) Sarjana Sains Dalam Pengurusan Teknologi 3) Sarjana Sains Dalam Keusahawanan 4) Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Operasi Termaju) 5) Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Teknologi dan Inovasi)
	<p><u>Pra Siswazah</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Ijazah Sarjana Muda Teknousahawanan Dengan Kepujian 2) Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Dengan Kepujian (Inovasi Teknologi) 3) Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Dengan Kepujian (Pemasaran Teknologi Tinggi)
<p style="text-align: center;">TEKNOLOGI KEJURUTERAAN</p>	<p><u>Pra Siswazah</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Automotif) Dengan Kepujian 2) Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Penyejukan dan Penyaman Udara) Dengan Kepujian 3) Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Penyelenggaraan) Dengan Kepujian 4) Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) Dengan Kepujian

FAKULTI	NAMA PROGRAM
	5) Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Automasi Industri & Robotik) Dengan Kepujian 6) Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi) Dengan Kepujian 7) Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Komputer (Sistem Komputer) Dengan Kepujian 8) Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) Dengan Kepujian 9) Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Proses dan Teknologi) Dengan Kepujian 10) Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Reka Bentuk Produk) Dengan Kepujian

2.0 PENGAMBILAN DAN ENROLMEN PELAJAR

Bagi Sesi Akademik 2015/2016, kalendar akademik telah diselaraskan antara program Diploma dan program Ijazah Sarjana Muda. Pelajar program Diploma telah mendaftar pada Mei 2015 akan mengikuti Semester Khas Permulaan dan memulakan semester pertama bersama pelajar Ijazah Sarjana Muda yang mula mendaftar pada September 2015. Ini merupakan inisiatif universiti agar format kalendar akademik diselaraskan bagi memudahkan pengurusan akademik di fakulti khususnya dan universiti amnya.

2.1 Statistik pendaftaran pelajar baru bagi Semester I Sesi Akademik 2015/2016 adalah seperti berikut:

Fakulti	Program		Jumlah
	Diploma	Ijazah Sarjana Muda (termasuk pelajar International)	
Fakulti Kejuruteraan Elektrik	57	276	333
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	52	214	266
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	71	243	314
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	61	216	277
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi	129	333	462
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan	-	296	296
Fakulti Teknologi Kejuruteraan	-	773	773
Jumlah	370	2,351	2,721

2.2 Pada 26 November 2015, enrolmen pelajar yang mengikuti pengajian pada Semester I Sesi Akademik 2015/2016 ialah seramai 11,416.00 orang pelajar. Jadual dibawah menunjukkan enrolmen pelajar berakhir pada 26 November 2015:

Peringkat Pengajian	Program		2015/2016	
Pra Siswazah (10, 294)	Diploma		931	
	Ijazah Sarjana Muda		9,363	
Pasca Siswazah	PhD		274	
	Doktor Kejuruteraan		33	
	Sarjana	Penyelidikan (MSc.)	472	
		Mod Campuran	29	
		Kerja Kursus	Sepenuh masa	121
			Pesisir	150
MBA			43	
Jumlah			11,416.00	

3.0 KONVOKESYEN

3.1 Majlis Konvokesyen ke-11 telah diadakan pada 3 & 4 Oktober 2015, bertempat di Dewan Besar UTeM. Seramai 2,604 orang graduan menerima Doktor Falsafah, Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma masing-masing daripada Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Mohd Khalil Yaakob selaku Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Daripada jumlah tersebut, 19 orang menerima Doktor Falsafah, 226 orang menerima Sarjana, 2,102 orang menerima Ijazah Sarjana Muda dan 257 orang menerima Diploma.

3.2 Bagi Anugerah Pelajaran Diraja, dua orang graduan yang menerima anugerah tersebut iaitu Saudara Mohammad Firdaus bin Norazman dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) dan Saudari Shamala Vadivelu dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK). Sehingga kini jumlah graduan yang telah dihasilkan oleh UTeM adalah seramai 17,734 orang.

3.3 Statistik Pelajar Yang Bergraduat Tahun 2015

Fakulti	Program	2015
FKE	DIPLOMA	48
	SARJANA MUDA	287
	SARJANA	12
	PhD	1
FKEKK	DIPLOMA	47
	SARJANA MUDA	245
	SARJANA	29
	PhD	1
FKM	DIPLOMA	62
	SARJANA MUDA	342
	SARJANA	16
	PhD	-
FKP	DIPLOMA	38
	SARJANA MUDA	292
	SARJANA	72
	PhD	4
FTMK	DIPLOMA	62
	SARJANA MUDA	353
	SARJANA	64
	PhD	8

Fakulti	Program	2015
FPTT	DIPLOMA	-
	SARJANA MUDA	205
	SARJANA	33
	PhD	5
FTK	DIPLOMA	-
	SARJANA MUDA	378
	SARJANA	-
	PhD	-
JUMLAH		2,604

4.0 PEJABAT PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK

4.1 MAJLIS ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI (AAU) 2014.

Penganjuran Anugerah Akademik Universiti (AAU 2014) pada kali ini merupakan edisi keenam sejak diperkenalkan pada tahun 2009. AAU 2014 menyaksikan sembilan (9) kategori anugerah iaitu Anugerah Tokoh Akademik, Akademik Harapan, Pengajaran, Penerbitan Buku, Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan Produk, Penghasilan Makalah Jurnal dan Khas Kumpulan dan tambahan satu lagi kategori baharu iaitu Kualiti Makalah Jurnal. Majlis AAU 2014 telah diadakan pada 28 September 2015.

4.2 Bagi tahun 2014 penerima-penerima anugerah seperti jadual di bawah ini:

Bil	Anugerah	Penerima Anugerah	Penerima hadiah Saguhati
1.	Anugerah Akademik Harapan 2014	Ir. Anuar bin Mohamed Kassim	i. Dr. Massila bt Kamalrudin (FTMK) ii. Dr. Mohd Fadzli bin Abdollah (FKM) iii. Encik Hazriq Izzuan bin Jaafar
2.	Anugerah Penerbitan Buku 2014		i. Prof. Madya Ir. Dr. Puvanasvaran A/L A Perumal
3.	Anugerah Penyelidikan 2014	Dr. Abdul Rahim bin Abdullah	i. Prof. Madya Dr. Zahriladha bin Zakaria ii. Prof. Madya Ir. Dr. Sivarao A/L Subramonian
4.	Anugerah Inovasi & Pengkomersilan Produk 2014	Prof. Madya Ir. Dr. Sivarao A/L Subramonian	
5.	Anugerah Penulisan Makalah Jurnal 2014	Prof. Madya Dr Zahriladha bin Zakaria	i. Encik Mohamad Fani bin Sulaima (FKE) ii. Dr. Asmala bin Ahmad (FTMK)
6.	Anugerah Kualiti Makalah Jurnal 2014	Dr. Mohd Shukor bin Salleh	-
7.	Anugerah Khas Kumpulan 2014	Dr. Lim Kim Chuan (Made By UTeM)	-

4.3 Penganjuran STEM

Pada 26 November 2015, Majlis Penutup Program Kerjasama Diantara MRSM Terendak, UTeM dan Uni KL MICET berkaitan Perancangan Kerjasama Strategik Dalam Bidang Sains Teknologi, Kejuruteraan Dan Matematik (STEM) Dan Pembangunan Modal Insan Holistik telah disempurnakan oleh Y.B Datuk Dr. Abu Bakar Bin Mohamad Diah, Timbalan Menteri, Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi.

Terdahulu, seramai 293 orang pelajar dari MRSM dan Sekolah Berasrama Penuh dari seluruh negeri telah berkampung di Kolej Profesional Mara, UniKL MICET dan UTeM bagi menjayakan program ini. Program ini bertujuan memupuk dan meningkatkan pengetahuan dan minat pelajar-pelajar terhadap bidang Sains Teknologi, Kejuruteraan Dan Matematik (STEM).

UTeM telah memberikan khidmat kepakaran dan keilmuan melalui pelantikan seramai 71 orang fasilitator dan 28 orang pengadil yang terdiri daripada ahli akademik UTeM bagi membimbing pelajar-pelajar berkenaan dalam menyertai Pertandingan Inovasi.

Sebanyak tujuh (7) bidang tumpuan dari UTeM diberi perhatian bagi Pertandingan Inovasi bertemakan *Green Sustainable Knowledge and Product Innovation Challenge*. Bidang-bidang tersebut ialah Elektrikal, Elektronik, Robotik, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Pembuatan, Mekanikal dan Teknologi kejuruteraan.

Secara keseluruhannya, Maktab Rendah Sains Mara Kuching telah memenangi pertandingan Inovasi tersebut.

5.0 PEJABAT ANTARABANGSA


5.1 Pengantarabangsaan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) telah menggariskan 10 lonjakan utama sebagai tunjang dan nadi utama dalam memartabatkan dan meningkatkan kualiti sistem pendidikan negara. Menerusi Lonjakan ke-8 iaitu Keunggulan Global, pengantarabangsaan merupakan elemen penting untuk memastikan sistem pendidikan tinggi sentiasa relevan, berdaya saing dan mampu


menyumbang kepada pembangunan global. Universiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa mampu untuk menarik lebih ramai pelajar luar negara untuk mengikuti pengajian, menjana inovasi melalui aktiviti pembangunan dan penyelidikan serta melahirkan graduan yang menepati kehendak pasaran.

5.2 Pelajar Antarabangsa

Sehingga Disember 2015, jumlah pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di UTeM adalah seramai 281 orang dari 25 buah negara berbanding dengan tahun 2014 iaitu seramai 307 orang dari 24 buah negara.



Rajah 1: Jumlah Pelajar Antarabangsa Mengikut Pecahan Pengajian pada tahun 2014-2015



Rajah 2: Jumlah Pelajar Antarabangsa Mengikut Pecahan Negara pada tahun 2014-2015

5.4 Lawatan Antarabangsa

Lawatan dari luar negara dan ke luar negara adalah inisiatif menonjolkan imej UTeM dan memperkukuhkan keberadaan UTeM di persada global. Bagi tahun 2015, UTeM telah menerima lawatan dari luar negara dan juga telah membuat lawatan ke luar negara seperti berikut:

Jadual 1: Bilangan Lawatan Dari Luar Negara dan Ke Luar Negara

Bil	Tahun	Lawatan Dari Luar Negara	Lawatan Ke Luar Negara
1	2015	23	105

5.5 Senarai lengkap lawatan dari luar negara yang diterima UTeM adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 2: Jadual Lengkap Lawatan Dari Luar Negara Ke UTeM

BIL	INSTITUSI	TARIKH	TEMPAT	PELAWAT
1	Institut Teknologi Sepuluh Nopember, Surabaya, Indonesia	15/01/15	Bilik Mesyuarat Timbalan Naib Canselor (A&A)	6 Orang Delegasi
2	Universiti Suleyman Shah & Universiti Sakarya	2 & 3/02/15	Pejabat Naib Canselor & Makmal Fke	8 Orang Delegasi
3	Kedutaan Besar Republik Indonesia	3/03/15	Bilik Mesyuarat Utama & Auditorium	6 Orang Delegasi
4	Kedutaan Yemen	13/03/15	Bilik Mesyuarat Timbalan Naib Canselor (A&A)	3 Orang Delegasi
5	Kedutaan Palestin	21/04/15	Bilik Mesyuarat Utama	3 Orang Delegasi
6	Gb8, United Kingdom	27/04/15	Pejabat Antarabangsa	Miss Reisha Thomas
7	Dinas Pendidikan Dan Sma Kota Payakumbuh	29/04/15	Bilik Mesyuarat Utama	19 Orang Delegasi
8	English Language Center, KI	11/05/15	Bilik Mesyuarat Timbalan Naib Canselor (A&A)	15 Orang Delegasi

BIL	INSTITUSI	TARIKH	TEMPAT	PELAWAT
9	Alumni Teknik Itb	13/05/15	Bilik Jamuan Utama, Canselori	19 Orang Delegasi
10	German Academic Exchange Centre (Daad)	27/05/15	Auditorium Pps & Bilik Mesyuarat Pps	Dr. Guido Schneiders (Director Daad)
11	Semer kand Media Group, Turki	5/06/15	Canselori & Ftmk	Mr. Siddik Cagil Mr. Aydin Pagac
12	Ferris State University, Michigan, Usa	8/06/15	Pejabat Antarabangsa	Mr. Louis Arokiasamy
13	Rosenheim University Of Applied Sciences (Rouas)	12/08/15	Bilik Mesyuarat Utama	3 Orang Delegasi
14	Universitas Negeri Jakarta, Indonesia	17 – 19/08/15	Pejabat Antarabangsa & Ftmk	4 Orang Delegasi
15	Ferris State University, Michigan, Usa	6/10/15	Pejabat Antarabangsa	Mr. Louis Arokiasamy
16	Sma Al Azhar, Indonesia	6/10/15	Auditorium Canselori	28 Orang Delegasi
17	Politeknik Negeri Jakarta	8/10/15	Pejabat Antarabangsa	3 Orang Delegasi

BIL	INSTITUSI	TARIKH	TEMPAT	PELAWAT
18	Politeknik Negeri Lampung, Indonesia	21/10/15	Bilik Mesyuarat Timbalan Naib Canselor (A&A)	18 Orang Delegasi
19	Universitas Dian Nuswantoro, Indonesia	4-5/11/15	Bilik Mesyuarat FTMK	3 Orang Delegasi
20	Thanlyin Technological University, Myanmar	13/11/15	Bilik Mesyuarat Utama	3 Orang Delegasi
21	Sma Alfa Centauri, Bandung, Indonesia	18/11/15	Auditorium PPS	89 Orang Delegasi
22	Kementerian Pendidikan, Belia Dan Sukan Kemboja	25/11/15	Bilik Mesyuarat Utama	10 Orang Delegasi
23	Universiti Teknikal Gebze, Turki	21-22/12/15	Bilik Mesyuarat Utama	3 Orang Delegasi

5.6 Pameran dan Promosi Antarabangsa

Penyertaan UTeM dalam program promosi luar negara merupakan langkah yang diambil dalam usaha meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa di samping memperkenalkan Malaysia sebagai salah satu destinasi pengajian tinggi terbaik dunia. Bagi tahun 2015, hanya dua (2) siri promosi di luar negara telah dijalankan oleh UTeM berbanding Sembilan (9) pada tahun 2014 yang lalu.

Jadual 3: Promosi Antarabangsa UTeM 2015

Bil	Fakulti/PTj	Tarikh	Tempat	Tujuan
1	Pejabat Antarabangsa dan Pusat Pengajian Siswazah	14 – 18 Mei 2015	Dubai, UAE	Pameran Pendidikan Malaysia 2015, Dubai, UAE (REXPO)
2	Pejabat Antarabangsa dan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	25 – 31 Ogos 2015	Kaherah, Mesir	Pameran Pendidikan Malaysia 2015, Kaherah, Mesir (MyAspiration)

5.7 Kerjasama Strategik

Sepanjang tahun 2015, sebanyak tiga (3) Memorandum Persefahaman (MoU) dan empat (4) Memorandum Perjanjian (MoA) telah ditandatangani antara UTeM dan universiti luar negara berbanding dengan tahun 2014 iaitu sebanyak Sembilan (9) Memorandum Persefahaman (MoU). Senarai MoU dan MoA yang telah ditandatangani sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

Jadual 4: Senarai Memorandum Persefahaman (MoU)

Bil	MoU	Ditandatangani	Tarikh	Fakulti
1	UTeM & Gebze Technical University, Turkey	Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib & Prof. Dr. Haluk Gorgun	5 Tahun (31/07/2015 – 30/07/2020)	Fakulti Kejuruteraan Elektrik

2	UTeM & Michigan University, United States	Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib	5 Tahun (7/05/2015 – 6/05/2020)	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
3	UTeM & Northern Illinois University, United States	Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib	3 Tahun (6/05/2015-5/05/2018)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Jadual 5: Senarai Memorandum Perjanjian (MoA)

Bil	MoU	Ditandatangani	Tarikh	Fakulti
1	UTeM & Gebze Technical University, Turkey	Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib & Prof. Dr. Babur Ozcelik	5 Tahun (22/12/2015 – 21/12/2020)	Fakulti Kejuruteraan Elektrik
2	UTeM & Yildiz Technical University, Turkey	Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib & Prof. Dr. Ismail Yuksek	5 Tahun (10/09/2015 – 9/09/2020)	Fakulti Kejuruteraan Elektrik
3	UTeM & Rosenheim University of Applied Sciences, Germany	Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib & Prof. Dr. Heinrich Koster	5 Tahun (12/08/2015-11/08/2020)	Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer
4	UTeM & Hannover University of Applied Sciences and Arts, Germany	Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib & Prof. Dr. Josef Von Helden	5 Tahun (7/09/2015-8/09/2020)	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

5.8 Program Mobiliti Pelajar

Pada tahun 2015, UTeM telah melaksanakan Program Mobiliti Pelajar Berkredit dan Tanpa Kredit dengan universiti-universiti dari luar negara, terutamanya dengan rakan strategik UTeM melalui MoU yang telah ditandatangani. Seramai 46 pelajar terlibat dalam Program Mobiliti Pelajar Berkredit (inbound) khususnya dari negara Perancis, Korea Selatan, Jerman dan Indonesia. Seramai 80 pelajar telah terlibat dalam Program mobiliti Pelajar Berkredit (Outbound) ke negara Indonesia, Korea Selatan, Turki dan Jerman.

Manakala bagi Program Mobiliti Pelajar Tanpa Kredit (Inbound), UTeM telah menerima 41 pelajar dari Korea Selatan, Turki dan Indonesia dan seramai 46 pelajar UTeM telah mengikuti Program Mobiliti Pelajar Tanpa Kredit (Outbound) ke negara Mexico, Belanda, Indonesia, Perancis, Turki, Korea Selatan dan Jepun.

Jadual 6: Bilangan Pelajar Mengikuti Program Mobiliti Pelajar Berkredit (Inbound)

Semester/Sesi	Inbound			Jumlah Mengikut Semester
	Dari Universiti	Ke Fakulti	Jumlah	
Semester 2 Sesi 2014/2015	Hannover University of Applied Sciences and Arts	FKEKK 1 FKE 1 FTMK 1	3	8
	Kumoh National Institute of Technology	FKEKK	3	
	Telecom Bretagne	FTMK	2	
	Universitas Dian Nuswantoro	FTMK	15	

Semester 1 Sesi 2015/2016				38
	Hannover University of Applied Sciences and Arts	FKE	3	
	Institute Business and Informatics	FPTT 3 FTMK 2	5	
	Institut Teknologi Sepuluh Nopember	FKP	3	
	Universitas Internasional Batam	FTMK	2	
	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	FKEKK 5 FPTT 4	9	
	Universiti Utara Malaysia	FTMK	1	
JUMLAH KESELURUHAN				46

**Jadual 7: Bilangan Pelajar Mengikuti Program Mobiliti Pelajar Berkredit
(Outbound)**

Semester/Sesi	Outbound			Jumlah Mengikut Semester
	Ke Universiti	Dari Fakulti	Jumlah	
Semester 2 Sesi 2014/2015	Gebze Technical University	FKE	4	19
	Kumoh National Institute of Technology	FKEKK	5	
	Universitas Sebelas Maret	FKM	5	
	Yildiz Technical University	FKE	5	
Semester 1 Sesi 2015/2016	Universitas Dian Nuswantoro	FTMK	2	61
	Hannover University of Applied Sciences and Arts	FKP 5 FTMK 4	9	
	Institute Business and Informatics	FTMK	2	
	Institut Teknologi Sepuluh	FKP 8 FPTT 3	11	

	Nopember			
	Universitas Internasional Batam	FTMK	4	
	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	FPTT	1	
	Institut Teknologi Bandung	FKP	5	
	Kumoh National Institute of Technology	FKEKK	5	
	Marmara University	FKE 5 FKM 5	10	
	Istanbul Aydin University	FKEKK	5	
	Telecom Bretagne	FTMK	2	
	Universitas Atma Jaya	FPTT	5	
JUMLAH KESELURUHAN				80

Jadual 8: Bilangan Pelajar Mengikuti Program Mobiliti Pelajar Tanpa Kredit (Inbound)

Semester/Sesi	Inbound		Jumlah
	Dari Universiti	Ke Fakulti	
Semester 1 Sesi 2014/2015 (Februari 2015)	Kookmin University, Korea Selatan	FKP	16
2-16 Ogos 2015	Istanbul Aydin University – 2	Pejabat Antarabangsa (UTeM Global OutReach Program)	12
	Kookmin University – 4		
	Universitas Dian Nuswantoro – 2		
	Universitas Atma Jaya – 1		
	Institut Teknologi Bandung – 1		
	Institut Teknologi Sepuluh Nopember – 2		
11-17 Oktober 2015	Institut Teknologi Sepuluh Nopember	Pejabat Antarabangsa (ITS Student Internship Program 2015)	13
JUMLAH KESELURUHAN			41


Jadual 9: Bilangan Pelajar Mengikuti Program Mobiliti Pelajar Tanpa Kredit (Outbound)

Semester/Sesi	Outbound		Jumlah
	Ke Universiti	Dari Fakulti	
Semester 1 Sesi 2015/2015 (Januari 2015)	Mexico (Program Malaysia-Mexico 2015)	FKE – 1 FPTT - 1	2
Semester 2 Sesi 2015/2015 (Julai – Ogos 2015)	Nama: Program CommTECH 2015 Tempat: Institut Teknologi Sepuluh Nopember, Indonesia Tarikh: 24 Ogos – 2 September 2015	FKE – 1 FKM - 1 FTMK - 1 FPTT - 1 FKP - 1 FTK – 1	6
	Nama: Utrecht Summer School 2015 Tempat: Utrecht University, Holland Tarikh: 20 – 31 Julai 2015	FKEKK	2
	Nama: Summer School 2015 Tempat: Telecom Bretagne, France Tarikh: 10 -28 Ogos 2015	FKEKK – 2 FKM – 1 FPTT – 1 FTK – 2	6
	Nama: Delightful Istanbul 2015 Tempat: Istanbul Aydin University Tarikh: 3-14 Ogos 2015	FKE – 2 FKEKK – 2 FKM – 2 FKP – 2 FTMK – 2 FPTT – 2 FTK – 2	12
	Nama: KIT International Program 2015 Tempat: Kumoh National Institute of Technology Tarikh: 7-21 Ogos 2015	FKEKK – 2 FPTT – 2 FTK - 2	6

	Nama: DreAM 2015 Tempat: Universitas Gadjah Mada Tarikh: 8 – 22 Ogos 2015	FKE – 1 FKM – 1 FKP - 1 FTMK – 1 FPTT – 1 FTK – 1	6
	Nama: Summer School 2015 Tempat: Tokushima University Tarikh: 26 Julai – 7 Ogos 2015	FKP	6
JUMLAH KESELURUHAN			46

5.9 Staf Antarabangsa

Sehingga 31 Disember 2015, jumlah pensyarah antarabangsa yang berkhidmat di UTeM sebagai pensyarah kontrak adalah seramai 31 orang berbanding dengan tahun 2014 iaitu seramai 32 orang pensyarah kontrak. Pecahan pensyarah antarabangsa mengikut pecahan kontrak adalah seperti berikut:



Rajah 11: Jumlah Pensyarah Antarabangsa UTeM Tahun 2015

7.0 PUSAT SUMBER & TEKNOLOGI PENGAJARAN

7.1 PEMBANGUNAN IBOOK

iBook merupakan e-Kandungan berbentuk buku interaktif yang dibangunkan untuk kegunaan kursus-kursus yang ditawarkan di UTeM. e-Kandungan iBook boleh digunakan oleh pelajar dengan menggunakan peranti mudah alih iOS seperti iPad, iPhone dan iPod. iBook boleh dimuat turun dari iBook Store, iTunes U atau UTeM Online Bookstore. Bagi tahun 2015, PSTP telah berjaya membangunkan sebanyak sepuluh (10) buah iBook iaitu:

BIL.	TAJUK IBOOK	PENSYARAH	FAKULTI
1	Electronic Instrumentation	Adib Othman	FKEKK
2	Digital Audio and Video Technology	Dr. Mohd Hafiz Zakaria	FTMK
3	Logic Audio	Anuar Jaafar	FKEKK
4	Digital Media Design	Dr. Zulisman Maksom	FTMK
5	Human Computer Interaction – Part 2	Dr. Zulisman Maksom	FTMK
6	Microprocessor Technology	Raihaam Kamarudin	FKEKK
7	Interactive Media Projecy Management	Dr. Zulisman Maksom	FTMK
8	Let's Learn Mandarin – Part 1	Prof. Madya Dr. Sazilah	FTMK
9	Let's Learn Mandarin – Part 2	Salam Cheong Kar Mee Tan Poe Ee	PBPI PBPI
10	Mechanical Vibration	Dr. Nurul Azma Zakaria	FTMK

7.2 BILIK CLEAR & BILIK RECAP

Bilik CLear (*Collaborative and Learning Room*) merupakan bilik kuliah yang menyediakan prasarana untuk menjalankan aktiviti pembelajaran berpusatkan pelajar. Bilik-bilik ini disediakan di lapan (8) lokasi di UTeM iaitu 7 fakulti seperti Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) dan sebuah pusat iaitu Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI).

Terdapat 3 jenis Bilik CLear disediakan iaitu Bilik CLear Asas, Bilik CLear Lengkap dan Bilik CLear BYOD (*Bring Your Own Device*). Kelengkapan yang disediakan termasuk iPad, Layar TV Besar, Apple TV, Airport Extreme, Speaker tanpa wayar, Digital Podium dan Teleprompter.

Bilik ReCAP (*Record and Capture*) merupakan bilik yang membolehkan setiap sesi pengajaran dan pembelajaran dapat dirakam dalam bentuk video dan audio. Bilik ReCAP ditempatkan di tiga (3) lokasi iaitu Kampus Induk, Kampus Teknologi dan Kampus Bandar. Buat masa ini bilik ReCAP yang dalam proses pengubahsuaian terletak di FTMK untuk Kampus Induk.

Kesemua bilik CLear dan ReCAP dalam proses pengubahsuaian di setiap fakulti dan pusat yang terlibat dan kerja-kerja pengubahsuaian tersebut dijangka siap pada bulan Februari 2016.

8.0 PUSAT PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

8.1 Penganjuran Seminar Akademik

8.1.1 Kolokium Akademik “Memperkasa Peranan Universiti Teknikal di Pendidikan Tinggi”, 11 November 2015, Avillion Legacy Hotel Melaka.

Satu Kolokium Akademik: Memperkasa Peranan Universiti Teknikal Di Pendidikan Tinggi Anjuran Pusat Pengajaran Dan Pembelajaran (PPP) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah dirasmikan oleh Y. Berhormat Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah Timbalan Menteri Kementerian Sains Teknologi & Inovasi. Kolokium ini melibatkan beberapa pengisian aktiviti cambahan ilmu dan pengalaman daripada ahli akademik tersohor di Malaysia seperti:

- Y. Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Saleh bin Jaafar (Penasihat Khas Pejabat KSU KPT & PPPM (PT))
- Y. Bhg. Tan Sri Arshad bin Ayub (Pro Canselor UiTM)
- Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Azanam Shah bin Hashim (Timbalan Pengarah Akademik dan Teknologi UniKL/MFI)
- Y. Bhg. Prof. Dr. Norazah binti Mohd Nordin (UKM).

Kolokium ini telah berjaya mengumpulkan para ilmuwan dan menjadi wadah perbincangan dan perkongsian ilmu.

8.1.2 Seminar “Globalizing Malaysia’s Higher Education: A Transformation”, Dewan Konvensyen Kampus Bandar UTeM, 10 hingga 11 Mac 2015.

Seminar anjuran PPP ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hasmah binti Tapsir, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (IPTA) /KSU II. Beliau turut menyampaikan ucapnama pada sesi seminar tersebut. Seminar ini turut melibatkan dua Ahli Akademik popular dari luar negara iaitu Prof. Dame Wendy

Hall (University Southampton) dan Prof. Richard Buckland (University of New South Wales).

Seminar bersama Prof. Dame Wendy Hall dan Prof. Richard Buckland ini telah dibuka penyertaannya kepada Staf Akademik UTeM dan Staf Akademik IPTA seluruh Malaysia dan Komuniti Industri. Seminar ini memberi peluang Prof. Dame Wendy Hall dan Prof. Richard Buckland menyampaikan khidmat nasihat serta berkongsi kepakaran dan pengalamannya bersama peserta dalam menilai semula strategi dan membuat nilai tambah dalam perancangan IPTA untuk meningkatkan kualiti Pembelajaran dan Pengajaran menggunakan teknologi ICT melalui MOOCs dan GOL.